

PM ingatkan rakyat jangan menjadi bangsa perungus

PETALING JAYA 13 Ogos — Rakyat hari ini diingatkan supaya jangan menjadi mangsa yang perungus (panas baran), tidak tahu senyum dan tidak tahu berbahasa kerana ia akan menjejaskan pembangunan negara, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, negara yang mempunyai penduduk yang selalu bersopan santun akan menikmati kehidupan yang lebih tenang dan selesa.

"Sebagai bonus, kita semua mampu memperolehi pendapatan yang tinggi jika kita, sama ada pihak swasta atau awam memberi layanan yang baik kepada pelanggan ketika menjalankan tugas," katanya ketika berucap melancarkan kad pengenalan baru di sini hari ini.

Oleh itu kata Perdana Menteri, adalah penting semua kakitangan kerajaan memberikan khidmat yang cemerlang kepada rakyat dan pelanggan mereka.

"Kita hendaklah menganggap sesiapa sahaja yang menjadi pelanggan kita sebagai orang yang baik budi pekerti dan mereka hendaklah dilayan dengan baik," tambahnya.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, bukanlah menjadi satu kerja yang berat untuk kakitangan kerajaan mengukirkan senyum semasa menjalankan tugas walaupun kadangkala terdapat pelanggan yang kasar.

Katanya, dalam kebanyakan kes salah faham, sebenarnya kedua-dua belah pihak, orang ramai dan kakitangan kerajaan bersalah.

Mengenai kad pengenalan baru, Perdana Menteri menyifatkan pelancarannya hari ini merupakan satu lagi detik penting dalam sejarah negara kerana bentuk kad pengenalan plastik telah berusia lebih 30 tahun.

"Sistem kad pengenalan baru ini adalah lebih canggih dan melibatkan penggunaan komputer untuk meningkatkan kecekapan

dan keberkesanan proses mengumpul data penduduk negara ini," kata beliau.

Beliau memberitahu, kad baru ini merupakan fasa pertama projek pengkomputeran Jabatan Pendaftaran Negara.

"Fasa kedua yang akan dimulakan tahun depan merupakan pewujudan sistem pengumpulan data penduduk negara dan bertujuan membina pusat data (*data base*) yang akan membolehkan kerajaan membuat perancangan dan mengurus masalah negara serta rakyat dengan lebih tepat dan berkesan," jelasnya.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, walaupun projek kad pengenalan baru ini melibatkan perbelanjaan yang besar iaitu \$64 juta, kerajaan mendapati faedahnya amat besar kepada sistem pengumpulan maklumat negara.

Katanya, pusat data yang akan dibina dapat dimanfaatkan oleh semua agensi kerajaan yang berkaitan bagi maksud perancangan operasi serta pembangunan.

"Ia juga akan menjadi pusat rujukan maklumat untuk mengetahui kedudukan penduduk serta taburan mereka," tambahnya.

Perdana Menteri berkata, oleh kerana Malaysia sedang pesat membangun dan peluang pekerjaan serta perniagaan yang semakin bertambah ramai warganegara asing yang berminat untuk datang ke sini.

Kata beliau, penghijrahan dari satu negara ke satu negara lain sudah berkembang sehingga menjadi masalah besar kepada negara yang lebih maju daripada negara jiran.

Menurutnya, masalah ini perlu dibendung untuk menjaga kepentingan warganegara tempatan dan cara yang terbaik ialah mendaftarkan mereka dengan menggunakan sistem kad pengenalan.

"Dengan itu, kita dapat pastikan siapa warganegara dan siapa yang bukan warganegara atau pendatang haram," kata Dato' Sri Dr. Mahathir.